

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) mengambil kesempatan di bulan Ramadan pada tahun ini dengan mengedarkan buah kurma serta kad ucapan selamat hari raya kepada seluruh warga media Kedah dalam usaha mengeratkan lagi hubungan yang sedia terjalin antara kedua-dua belah pihak.

Sumbangan buah kurma daripada Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak itu diserahkan oleh Azahar Kasim yang menjalankan tugas Pengarah Unit Komunikasi Korporat UUM kepada semua kakitangan media cetak dan elektronik di negeri ini.

Menurut Azahar, sumbangan tidak seberapa itu dilakukan bagi menghargai peranan media massa dalam membuat liputan berita mengenai UUM sepanjang tahun ini.

"Kita berkunjung ke pejabat media untuk mengeratkan hubungan saliturahim di samping berkongsi pendapat dan bertanya khabar mengenai organisasi mereka sambil memberi sumbangan sempena Ramadan.

"Amalan ini amat baik kerana media dan UUM saling memerlukan antara satu sama lain, oleh itu usaha menjaga hubungan ini amat penting untuk memastikan hubungan ini terus mesra dan ikhlas," katanya ketika berkunjung ke pejabat media massa di Alor Setar bersama kakitangan Seksyen Media, Unit Komunikasi Korporat UUM.

Antara yang hadir ialah wartawan terdiri daripada Muhammad Mustakim Ramli, Nasiha Abdul Rashid, Noor Faezah Basary dan jurugambar, Hairul Nizam Zahari.

Katanya, UUM amat menghargai pihak media dan mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan mereka kepada UUM dalam menghebahkan maklumat berkaitan universiti ini kepada masyarakat.

Antara pihak media yang menerima sumbangan ialah Bernama, New Straits Times (NST), Radio Televisyen Malaysia (RTM) Kedah, Utusan Malaysia, The Star, Berita Harian, Harian Metro dan media massa lain.

=====
DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my